

# LATIHAN DAN KERJAYA DALAM BIDANG KEMAHIRAN

## MENGAPA ANDA PERLU MENGIKUTI KURSUS INI?

LALUAN TENAGA MAHIR DAN REBUTAN AGENSI PERLADANGAN/PERKILANGAN SAWIT  
Kursus Konduktor Ladang adalah merupakan kursus kemahiran dalam bidang pengurusan ladang (pertanian). Pelajar akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai :

- Kaedah dan Teknik Pengurusan Ladang.
- Penilaian Kemajuan Kerja.
- Penggunaan dan Pengendalian Kenderaan Ladang.
- Keselamatan Di Tempat Kerja.
- Peraturan dan Disiplin Kerja.
- Pengurusan Kewangan Ladang



Kursus Pembantu Juruteknik Pengeluaran Kilang Minyak Sawit Merupakan kursus kemahiran mengendalikan operasi dalam kilang minyak sawit. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengenai:

- Penggredan dan Pemprosesan Buah Tandan Sawit.
- Pemulihan Minyak Sawit.
- Kawalan Sisa Buangan Bahan Sawit.
- Pemprosesan Kernal Sawit.
- Operasi Boiler dan Tenaga Kuasa.
- Pengurusan dan Pentadbiran Kilang.



~ Kedua-dua kursus ini bakal menyediakan Tenaga Mahir yang sangat diperlukan oleh agensi-agensi dan syarikat-syarikat perladangan seperti RISDA, FELDA, FELCRA, Tabung Haji Plantations mahupun

Estet-Estet besar dan persendirian di seluruh Negara.

- ~ Sijil diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.
- ~ Berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Eksekutif di Universiti Terbuka Malaysia.
- ~ Syarat kemasukan yang rendah—Memiliki Sijil PMR atau SPM/SPMV (17 Tahun ke atas).
- ~ Kos dan Yuran Pengajian yang berpatutan dan fleksibel.
- ~ Pinjaman Bayaran Pengajian disediakan melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).
- ~ Tempoh pengajian 1 tahun (termasuk latihan Industri 3 bulan di Ladang/Kilang).

## KEISTIMEWAAN KURSUS INI?



Pelajar-pelajar lepasan kursus ini adalah merupakan calon-calon yang menjadi rebutan syarikat-syarikat atau agensi-agensi perladangan kerana ia merupakan tenaga terlatih yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam bidang berkaitan, berbanding tenaga-tenaga tidak terlatih di luar sana. Antara agensi-agensi yang dimaksudkan ialah seperti RISDA, FELDA, FELCRA, TABUNG HAJI PLANTATION, ESTET-ESTET dan ladang-ladang persendirian di seluruh Negara.



Sebagai perbandingan, senario masa kini membuktikan tenaga terlatih di bidang kemahiran sebenarnya mempunyai peluang pekerjaan yang lebih menyerlah di samping tawaran gaji yang sama taraf, malah tidak mustahil lebih tinggi daripada pemegang-pemegang diploma di bidang akademik. Tambahan pula peluang kenaikan pangkat dalam sektor swasta ini tiada paras hadnya, kerana kenaikan pangkat adalah berdasarkan pencapaian prestasi kerja dan sejauhmana pekerja dapat menyumbang kepada peningkatan keuntungan syarikat.



Inilah kelebihan dan keistimewaan yang bakal diperolehi oleh pemegang-pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walaupun memiliki tahap kelulusan yang agak rendah, namun masih ada ruang dan peluang bagi menerokai bidang kemahiran yang menjanjikan kerjaya yang jauh lebih baik, berbanding rakan-rakan setarafnya yang tidak memilih untuk menerokai bidang kemahiran seperti ini.

**" AYUH!..... DAFTARLAH SEGERA DI KOLEJ RISDA  
MELAKA DALAM BIDANG KEMAHIRAN YANG  
MENJANJIKAN KERJAYA MASA HADAPAN YANG  
JAUH LEBIH BAIK "**

**Pendaftaran Sesi Disember 2009  
Dibuka Sekarang.....!**